

Headline	Pulau Pinang peruntuk RM75j tukar lampu jalan		
MediaTitle	Berita Harian (Utara)		
Date	12 Jul 2019	Language	Malay
Circulation	2,802	Readership	8,406
Section	Berita	Page No	50
ArticleSize	465 cm <sup>2</sup>	Journalist	Muhammad Yusri
PR Value	RM 31,971		



JUARA | JUMAAT, 12 JULAI 2019 | B11

**Utara**

# Pulau Pinang peruntuk RM75j tukar lampu jalan

Proses tukar lampu HPSV kepada LED dijangka selesai menjelang 2022

Oleh Muhammad Yusri Muzamir  
 yusri.muzamir@bh.com.my

**Georgetown:** Kerajaan negeri memperuntukkan RM75 juta bagi menukar lampu jalan jenis High Pressure Sodium Vapour (HPSV) kepada diod pemancar cahaya (LED) tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar dan Desa negeri, Jagdeep Singh Deo, berkata RM40 juta daripada peruntukan itu akan digunakan bagi pertukaran lampu jalan di bawah seliaan syarikat utiliti itu.

Sebanyak 17,542 lampu jalan dipasang di bahagian pulau dengan 10,407 unit di bawah seliaan MBPP, manakala selebihnya di bawah TNB. Bagaimanapun, 7,135 daripada lampu itu sudah ditukar kepada LED.

"Kerajaan negeri menyasar-

nang (MBPP).

Katanya, sebanyak RM35 juta pulak akan digunakan bagi tujuan sama di kawasan seliaan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), manakala TNB akan menggunakan dana sendiri untuk pertukaran lampu jalan di bawah seliaan syarikat utiliti itu.

Sebanyak 17,542 lampu jalan dipasang di bahagian pulau dengan 10,407 unit di bawah seliaan MBPP, manakala selebihnya di bawah TNB. Bagaimanapun, 7,135 daripada lampu itu sudah ditukar kepada LED.

"Kerajaan negeri menyasar-



**Jagdeep Singh (dua dari kanan) melihat lampu jalan jenis LED selepas menyaksikan proses pertukaran lampu jalan jenis HPSV kepada LED di Lebuh Mcnair di sini.**

(Foto Daniel Saad/BH)

**Ini dijangka menjimatkan antara 50 hingga 60 peratus penggunaan elektrik serta 'carbon footprint'.**

**Jagdeep Singh Deo,**  
 Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar dan Desa negeri

kan proses pertukaran keseluruhan lampu jalan jenis HPSV kepada LED di seluruh Pulau Pinang dapat diselesaikan menjelang 2022.

"Ini dijangka menjimatkan antara 50 hingga 60 peratus penggunaan elektrik serta 'carbon footprint' selain jangka hayat lampu LED lebih tinggi berbanding HPSV," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Yang turut hadir; Pengarah Jabatan Kejuruteraan MBPP, A Rajendran serta Ahli Majlis MBPP, Azahari Aris dan Gerald Mak.

Terdahulu, Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat menyaksikan proses pertukaran lampu jalan jenis HPSV ke LED di Lebuh Mcnair di sini.

Sementara itu, Jagdeep berkata tiga lokasi di MPSP dikenal pasti bagi program penggunaan bekalan tenaga boleh diperbaharui (SARE) yang dijangka siap menjelang Oktober depan.

Kawasan itu ialah Pejabat Cawangan MPSP dan Kompleks Sukan di Jalan Betik, Bukit Merataj dan Kompleks Sukan Bertram, Kepala Batas.

## VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Seberang Perai Municipal Council (Seberang Perai Municipal	4	0	0
Tenaga Nasional Berhad (TNB) (Tenaga Nasional )	2	0	0